

18) PERUMAHAN BAHARU

Adun : Y.B. Dato' Noorazley Bin Yahya (Bukit Melawati)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2024)

Sub soalan :

- a) Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membangunkan kawasan-kawasan perumahan baharu di luar bandar? Sekiranya ada, dimanakah kawasan yang dirancang oleh kerajaan untuk dibangunkan?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan pembangunan projek perumahan oleh pemaju–pemaju perumahan di kawasan luar bandar. Sehingga 31 Januari 2024, terdapat **208 projek** dengan **118,028 unit** Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di kawasan Zon 3 dan 4 berdasarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor yang melibatkan kawasan luar bandar. Daripada jumlah tersebut, **51 projek** dengan **14,872 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci kepada pembeli, **40 projek** dengan **13,222 unit** sedang dalam pembinaan dan **117 projek** dengan **89,934 unit** sedang dalam perancangan.

- b) Adakah kerajaan bercadang untuk menambah rumah mampu milik di Selangor? Sekiranya ada, adakah kawasan-kawasan perumahan mampu milik akan turut dibina di kawasan luar bandar khususnya di DUN Bukit Melawati?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan pembangunan projek perumahan oleh pemaju–pemaju perumahan. Sehingga 31 Januari 2024, terdapat **2 projek** dengan **162 unit** Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) masih diperingkat perancangan di DUN Bukit Melawati. Perincian adalah seperti berikut :-

BIL	PEMAJU	LOKASI	UNIT	STATUS
1.	Kota Kelang Development Sdn. Bhd.	HS(D) 5289 PT 620 Dan HS(D) 5290 PT 621 Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	91	Dalam Perancangan
2.	Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik HSD 283107 PT 73 Seksyen 11, Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	71	
JUMLAH KESELURUHAN			2	